

12/05/1998

Asnita selamat dilancar

AMANAH Saham Wanita (Asnita) yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Selasa lalu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), dilihat sebagai satu alternatif bagi membantu meningkatkan semula ekonomi negara.

Perdana Menteri dalam ucapannya, meminta rakyat menggerakkan tenaga dan kekayaan dalam bentuk wang serta harta yang dianggarkan bernilai lebih RM1 trillion untuk memulihkan negara.

Menurut Dr Mahathir, sebahagian kecil kekayaan dan harta itu boleh ditukar kepada ringgit untuk dilaburkan dalam amanah saham yang bukan sahaja menguntungkan pelabur, malah membantu negara pulih daripada kegawatan ekonomi sekarang.

Beliau berkata, walaupun hanya RM1 yang dibelanjakan untuk melabur, ia menyumbang kepada ketahanan negara dan pengekalan kebebasan negara daripada penjajahan yang mungkin lebih dahsyat lagi dengan menggunakan tentera.

Dr Mahathir juga berkata, menyimpan wang tunai atau emas secara berlebihan di rumah adalah merugikan diri sendiri dan negara kerana ia sepatutnya boleh digerakkan sebagai modal dengan membeli saham syarikat.

Sementara itu, Pengerusi Eksekutif Hijrah Unit Trust Management Berhad (Hijrah), Rohani Datuk Mohd Shahir, berkata Asnita akan mengeluarkan biasiswa melanjutkan pelajaran kepada anak pelabur yang menepati kriteria seperti ditetapkan selepas mendapat keuntungan daripada tahun pertama skim itu.

Katanya, Asnita juga menetapkan sasaran dua kali setahun untuk mengadakan seminar perancangan kewangan keluarga kepada pelabur bagi meningkatkan keberkesanan masyarakat mengurus wang.

Sebanyak 400 juta unit saham disediakan dengan harga tawaran 50 sen seunit dan menampilkan beberapa faedah tambahan kepada pelabur.

Ini termasuk pelaburan permulaan dengan pemilikan 200 unit (RM100); khairat kematian sehingga RM1,000; serta insurans takaful minimum RM200,000, pembiayaan pendidikan untuk anak pelabur, pelaburan langsung kepada peniaga kecil.

(END)